



جَابَتْنَ مِيقَاتِنَ كَرِيْ قَلْعَهُ

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 11/2024



## PERPADUAN UMMAH

29 NOVEMBER 2024M \ 27 JAMADILAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا  
هَادِي لَهُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،  
فِيهَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهَ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan direndai Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Islam adalah agama yang menganjurkan perpaduan kerana dengannya keamanan dan kestabilan dapat ditegakkan. Sejarah keagungan umat Islam yang lampau terbina di atas kekuahan dan kejituan perpaduan mereka. Umat Islam telah disifatkan oleh Allah Ta'ala sebagai umat yang satu sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Anbiya' ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةٌ وَجَاهَهُ اللَّهُ وَأَنَّ رَبَّكُمْ فَاعْبُدُوهُ

**Yang bermaksud:** “Sesungguhnya ini adalah umat kamu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu maka beribadatlah kepada-Ku.”

### Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

Sesungguhnya umat Islam itu diperintahkan untuk hidup dalam keadaan bersatu padu, kasih mengasihi, saling bantu membantu dan dilarang berpecah belah, bersengketa sesama sendiri, pulau memulau dan benci membenci kerana hal yang demikian hanya akan melemahkan kekuatan mereka. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah al-Anfal ayat 46:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَلَا تَتَزَّعُوا فَنَفَشُلُوا  
وَتَذَهَّبَ رِيحُكُوكُ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

**Yang bermaksud:** “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang

*kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati). Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar.”*

Kita juga dianjurkan agar sentiasa bertolak ansur atau bertoleransi dalam kehidupan bermasyarakat sama ada dalam kalangan sesama umat Islam malah dalam hubungan dengan orang yang bukan Islam. Asas penting kepada toleransi adalah bersikap terbuka dan mengakui adanya kepelbagaiannya dalam kalangan umat manusia, sama ada daripada sudut agama, bangsa, bahasa, budaya dan sebagainya. Walaupun berbeza, semua manusia secara fitrahnya menginginkan kedamaian, keharmonian, kebersamaan dan keadilan yang disebut sebagai toleransi. Firman Allah Subhanahu wa Ta’ala dalam surah al Hujurat ayat 13:

**Yang bermaksud:** “*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia*

*kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

### **Muslimin Yang Dirahmati Allah,**

Umat Islam diumpamakan seperti sebatang tubuh yang saling memerlukan antara satu sama lain. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا  
اشْتَكَى مِنْهُ عُضُّوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى

**Yang bermaksud:** “*Perumpamaan orang mukmin dalam berkasih sayang dan persaudaraan sesama mereka adalah seperti satu jasad. Jika salah satu anggota badan sakit, maka seluruh badan akan turut merasa sakit dengan sebab berjaga malam dan demam.*”

Keadaan perpecahan yang berlaku dalam kehidupan umat Islam hari ini adalah berpunca daripada hilangnya kesatuan dan kasih sayang dalam diri mereka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai teras perpaduan ummah telah memberi contoh yang terbaik kepada kita. Baginda mempersaudarakan Aus dan Khazraj yang telah lama bersengketa dan berjaya didamaikan. Baginda berupaya menukar gaya hidup masyarakat jahiliah daripada kufur kepada beriman, permusuhan kepada persaudaraan, kekejaman kepada kasih sayang, pemalas kepada bangsa yang rajin dan sebagainya.

Kita perlu belajar daripada sejarah bagaimana perpecahan dalaman membawa kepada kejatuhan kerajaan Abbasiyyah, keruntuhan Empayar Uthmaniyyah dan penjajahan Kota Melaka ke tangan Portugis.

Justeru, buanglah perasaan tamak, dengki mendengki dan pentingkan diri sendiri kerana semuanya itu adalah penghalang kesatuan umat Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi:

**Yang bermaksud:** “*Penyakit umat sebelum kamu telah menyerap masuk ke dalam kalangan kamu, iaitu hasad dengki dan persengketaan, ia adalah pencukur. Aku tidak mengatakan ia mencukur rambut, akan tetapi ia mencukur agama.*”

### Sidang Jemaah Yang Dimuliakan

Kesatuan memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh. Antara langkah yang wajib dilakukan untuk bersatu ialah;

1. Kembali kepada al-Quran, sunnah, ijmak dan qias berdasarkan tafsiran ulama-ulama muktabar
2. Bertolak ansur dan berlapang dada dalam berbeza pendapat dengan mencari titik persamaan
3. Perbezaan politik kepartian seharusnya tidak menjadi sebab perpecahan dalam kalangan umat Islam. Dalam

konteks negeri Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang adalah sebagai penyatu kepada kepelbagaiannya politik kepartian.

4. Merapatkan saf umat Islam dengan cara menjadikan rumah-rumah Allah Subhanahu wa Ta'ala (masjid dan surau) sebagai pusat penjana kesatuan ummah melalui program-program ibadah dan kelas-kelas pengajian.
5. Memanfaatkan media sosial seperti Whatsapp, Facebook, Instagram dan lain-lain untuk meluaskan seruan kesatuan dan ukhuwwah.

### **Sidang Jemaah Yang dirahmati Allah Ta'ala**

Di akhir khutbah pada hari ini, khatib menyimpulkan bahawa:

1. Islam adalah agama yang mengajak kepada penyatuan dan perpaduan ummah meskipun berbeza bangsa, agama, fahaman dan budaya.
2. Semua pihak adalah bertanggungjawab memastikan penyatuan dan perpaduan ummah terlaksana dan

terpelihara serta laksanakanlah langkah-langkah yang telah disyorkan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Hujurat, ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَاصْبِرْهُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

**Yang bermaksud:** “Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaiakanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا



وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ  
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.